

FPEP UMS sedia siswa jadi usahawan berjaya

UB 15.4.2017 B4

KOTA KINABALU: Seminar Keusahawanan 'Journey To Success' anjuran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu dijadikan platform kepada adiwira-siswi untuk mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan yang bakal diceburi kelak.

Seminar yang turut mendapat kerjasama dengan beberapa institusi pendidikan tinggi seperti Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Eastern dan Kolej Mahsa itu antara lain bertujuan meningkatkan kemahiran insaniah, kemahiran komunikasi dan tahap pemikiran yang lebih cakna terhadap isu-isu semasa dalam pengurusan usahaniaga baru.

Timbalan Dekan FPEP Dr Arif @Kamisan Pusiran ketika merasmikan penutupan program itu berkata ia turut menyasarkan jaringan kerjasama dan interaksi antara peserta dari pelbagai organisasi, selain memberi pendedahan kepada pelajar terhadap dunia sebenar



KAMISAN (dua dari kanan) menyampaikan cenderahati kepada Jubair, salah seorang panel forum.

bidang keusahawanan melalui perkongsian daripada usahawan tempatan dan alumni UMS yang berjaya.

"Diharapkan seminar ini dimanfaatkan sepenuhnya bagi mendapatkan pengetahuan berkaitan keusahawanan yang amat berguna untuk struktur perniagaan pada masa kini.

"Justeru, saya menggalakkan para usahawan dan bakal usahawan untuk terus menambah ilmu keusahawanan dan mengambil peluang dengan menghadiri seminar-seminar sebegini," katanya.

Seminarsehari yang bertempat

di Dewan Kuliah Pusat 1, UMS itu turut memberikan gambaran jelas kepada peserta mengenai perniagaan dalam talian melalui sesi ceramah 'Online Networking Business' oleh wakil agensi My Own, Afdal Naim.

Turut berlangsung, sesi forum yang menampilkan dua alumni UMS, iaitu pemilik syarikat Global Bike Zulkarnain Sulaiman dan Ketua Pegawai Eksekutif Arnab Village Jubair Juhinin, serta usahawan tempatan yang merupakan pengasas Bonco Virgin Coconut Oil, Ronnie Onginjan.